

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN PERDANA MENTERI SEMPENA HARI PEKERJA TAHUN 1999

TEMPAT: KUALA LUMPUR

TARIKH: 01 MAY 1999

MASA:

Tahun 1999 merupakan tahun ketiga krisis ekonomi melanda negara-negara Asia Timur, termasuk Malaysia. Krisis tersebut telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya kesejahteraan hidup rakyat. Namun kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana para pekerja di negara ini tidak menghadapi masalah besar seperti pembuangan kerja secara besar-besaran seperti yang berlaku di beberapa negara lain. Ini ialah kerana Kerajaan telah berjaya mengambil langkah-langkah segera dan tegas untuk menghalang percubaan pihak tertentu untuk merosakkan ekonomi kita. Kini berkat kerjasama semua pihak, termasuk para pekerja, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ini telah memperlihatkan kesan-kesan yang positif.

2. Kerajaan adalah sentiasa prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh para pekerja. Atas kesedaran inilah maka Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu memastikan kepentingan para pekerja terjamin dan pasaran pekerja terus mantap ketika negara menghadapi masalah ekonomi. Antara usaha-usaha ke arah ini termasuklah mempergiatkan projek-projek binaan dan infrastruktur. Ini adalah berasaskan kepada andaian bahawa dengan wujudnya aktiviti ekonomi dalam sektor binaan maka ia akan menghasilkan peningkatan peluang-peluang pekerjaan secara langsung. Kerajaan juga telah memperuntukkan modal pinjaman kepada para peniaga dan usahawan kecil. Dengan wujudnya peluang-peluang pekerjaan ini, rakyat tidak akan merasa kepahitan daripada kesan-kesan ekonomi yang lembab yang masih kita hadapi.

3. Memandangkan ekonomi kita masih ditahap yang belum pulih sepenuhnya, diharap rakyat tidak akan terlalu memilih pekerjaan. Mereka yang bekerja pula perlu menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh. Kita sedang bersaing secara hebat dengan negara-negara lain dan kejayaan dalam persaingan ini bergantung kepada tingginya produktiviti kita. Jika kita gagal maka kesannya akan dirasai oleh kita semua, termasuklah golongan pekerja. Sebaliknya, jika produktiviti kita meningkat, kejayaan yang dicapai akan juga dinikmati bersama. Saya ingin menyeru para pekerja supaya lebih berdisiplin dan mengamalkan etika kerja yang baik yang boleh

meningkatkan produktiviti di samping menjaga kualiti. Selain daripada upah yang diperolehi daripada sumbangan kerja, balasan yang memuaskan ialah hasil kerja yang bermutu dan berharga.

4. Sesungguhnya negara amat berterima kasih kepada kaum pekerja Malaysia yang faham akan masalah yang dihadapi oleh negara dan dengan itu tidak bertindak secara tidak bertanggungjawab yang mana ia sudah tentu akan menyukarkan pemulihan ekonomi negara. Kita lihat bagaimana di negara di mana pekerjaanya sering mengambil tindakan perusahaan dan menuntut upah yang tidak mampu dibayar oleh majikan, keadaan dan masalahnya hanya menjadi semakin buruk. Kerap kali nilai matawang dan inflasi menjadikan pendapatan yang bertambah tidak bermakna kerana tidak dapat membeli lebih dari dahulu, bahkan kurang daripada yang dapat dibeli dengan pendapatan lama.

5. Di Malaysia walaupun tidak banyak tambahan upah diberi tetapi dengan kestabilan nilai Ringgit dan kadar inflasi yang rendah, sara hidup kaum pekerja tidak banyak terjejas.

6. Peratusan pekerja yang hilang pekerjaan dan menganggur tidaklah ramai di Malaysia. Sebenarnya pengangguran tidak patut berlaku memandangkan peluang kerja baru lebih banyak daripada bilangan penganggur. Lagipun kita masih mempunyai ramai pekerja asing kerana pekerja Malaysia terlalu memilih kerja. Di waktu ekonomi merosot kita patut sanggup membuat apa sahaja kerja walaupun upah tidak seperti di masa mewah. Insya-Allah apabila ekonomi pulih kita akan dapat balik kerja dan upah yang baik.

7. Pihak Kerajaan ingin melihat pendapatan pekerja bertambah sepanjang masa. Pendapatan yang bertambah ini akan menolong membangunkan ekonomi negara kerana wang yang didapati tentu akan dibelanja. Tiap kali seorang belanja wang ada sahaja orang lain yang mendapat keuntungan. Keuntungan ini pula akan dibelanja, dan pihak lain pula termasuk pekerja akan menikmati keuntungan. Lebih kerap wang bertukar tangan, lebih baiklah ekonomi.

8. Tetapi pendapatan yang bertambah oleh pekerja hendaklah kerana peningkatan produktiviti. Jika tidak maka hasil kerja tidak akan dapat dijual dan kerugian akan dialami oleh penjual. Apabila penjual rugi maka perniagaan akan merosot dan pekerja mungkin hilang pekerjaan.

9. Saya berbangga kerana kesatuan sekerja di Malaysia faham akan peranannya dan betul-betul memelihara kepentingan pekerja. Sebab itu terdapat 'industrial peace' di Malaysia dan ini secara langsung menolong

pemulihan ekonomi. Tidak dapat tidak pemulihan ekonomi akan memberi banyak manfaat kepada pekerja.

'Industrial peace' ini juga menyakinkan pelabur asing dan tempatan untuk melabur di negara kita. Sekali lagi dengan pelaburan ini peluang pekerjaan akan bertambah. Apabila peluang pekerjaan bertambah lebih daripada bilangan pekerja maka majikan terpaksa menaikkan upah.

10. Hari Pekerja bukanlah semata-mata untuk dirayakan. Hari Pekerja juga adalah masa bagi pekerja dan kesatuan sekerja merenung akan masalah pekerja di zaman globalisasi ini dan sikap pekerja dalam melindungi hak pekerja. Jika kita tidak berjaga-jaga kita akan dipermainkan oleh orang lain dan kita akan rugi kerananya.

11. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Pekerja kepada semua pekerja di negara ini.